

'Tiada keperluan rombak Kabinet'

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR /BH]

> PM puas hati prestasi, akui menteri kurang pengalaman

Oleh Wan Faizal Ismayatim,
Zanariah Abd Mutalib dan
Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan prestasi anggota Kabinetnya

dan tidak nampak sebarang keperluan bagi melakukan rombakan.

"Mereka telah menunjukkan prestasi baik, tiada sebab untuk saya merombak Kabinet," katanya sambil memberikan mereka lima markah daripada 10.

Bercakap pada sidang media khas sempena ulang tahun pertama kerajaan Pakatan Harapan (PH), di sini, semalam, Perdana

Menteri mengakui kebanyakan menteri adalah orang baharu dan kurang berpengalaman ketika mereka mula-mula dilantik ke ja-

watan masing-masing.

Takut dituduh buat silap

"Tambah pula, mereka sangat takut dituduh melakukan kesalahan. Ini menyebabkan mereka sukar hendak membuat keputusan tetapi mereka cepat belajar," kata

Dr Mahathir.

Justeru, beliau tetap yakin dan memberi sokongan 100 peratus dengan pasukan Kabinet yang dipilihnya sehingga suatu hari kelak akan menjadi sebahagian anggota berpengalaman yang lain.

"Saya seorang yang sangat kon-



Dr Mahathir menyampaikan amanat pada Perjumpaan Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri di Dataran Perdana, Putrajaya, semalam.

servatif dan pernah berada dalam kerajaan selama kira-kira 20 tahun sekali gus mengetahui bagaimana kerajaan berfungsi.

"Kadangkala mereka (anggota Kabinet) datang kepada saya sebab saya ada pengalaman, saya cuba ajar serta memberi tunjuk ajar agar mereka boleh berprestasi baik. Namun, mereka pantas belajar," katanya.

Terdahulu, berucap pada Perjumpaan Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi Bulan Mei di Dataran Perdana, Dr Mahathir mengingatkan bahawa Ramadan bukan sahaja bulan untuk berpuasa menahan lapar pada siang hari tetapi juga bagi melatih

Kadang kala mereka (anggota Kabinet) datang kepada saya sebab saya ada pengalaman, saya cuba ajar serta memberi tunjuk ajar agar mereka boleh berprestasi baik. Namun, mereka pantas belajar"

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

diri supaya berdisiplin dan mengawal nafsu.

Beliau berkata, orang yang dapat mengawal nafsu adalah orang yang dipercayai dalam melaksanakan setiap urusan.

"Umpamanya rasuah kita tahu itu tidak baik dan berdosa, tetapi kita tak melawan nafsu apabila dihulur rasuah kepada kita.

Orang lemah gagal lawan nafsu

"Maka kita menjadi manusia yang lemah dan tidak dapat mengawal diri dalam apa juga keadaan. Orang lemah takkan berjaya, hanya orang yang kuat akan berjaya, kuat mengawal nafsu," katanya.

Yang turut hadir, Timbalan Per-

dana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Menteri-Menteri di JPM.

Perdana Menteri menegaskan, jika bangsa Malaysia kuat melawan nafsu, beliau percaya negara akan dipercayai dan dihormati di seluruh dunia, sekali gus mendapat lebih banyak manfaat.

"Walaupun adakalanya (nafsu) terpaksa diakur, kalau kita ikut nafsu, sudah tentu apa juga yang kita lakukan menjadi lebih buruk akhirnya.

"Mungkin pada mulanya terdapat kejayaan untuk mendapat sesuatu, tetapi akhirnya, ia akan menghasilkan keburukan kepada diri sendiri," katanya.